

# KENYATAAN AKHBAR

## IBS BANTU KURANGKAN KOS PEMBINAAN

**Kuala Lumpur, 26 Januari:** Penggunaan Sistem Binaan Berindustri (Industrialised Building System) mampu mengurangkan kos pembinaan **bagi** di dalam projek-projek kerajaan mahupun swasta jika pembelian komponen IBS dibuat secara terus dari pengilang **atau pembekal**. Pengurus Besar kanan Sektor Pembangunan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Datuk Ir Elias Ismail berkata, dasar pembelian komponen IBS secara terus daripada pengilang/**pembekal** dan bukannya melalui kontraktor dapat mengurangkan kos keuntungan yang diambil kontraktor di atas pembelian itu.

Pada masa ini, **bagi semua** di dalam projek-projek kerajaan, **perolehan** komponen-komponen IBS seperti tiang, rasuk dan lantai ( **slab** ) dibuat **diuruskan** oleh kontraktor utama yang dilantik untuk melaksanakan sesuatu projek. Secara lazimnya, harga komponen IBS yang dikoskan untuk pelaksanaan sesuatu projek itu telahpun dinaikkan daripada harga belian terus dari pengilang. Di dalam Program Transformasi Industri Pembinaan yang telah dilancarkan oleh **Y.A.B** Perdana Menteri pada September 2015, pembelian komponen IBS secara terus itu merupakan antara sasaran **utama** pelaksanaan IBS bagi memastikan pelaksanaan projek menggunakan IBS adalah lebih kos efektif dan pantas **serta menjimatkan kos pembinaan bagi semua projek pembinaan termasuk projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Malah, pelaksanaan projek dengan kaedah IBS terbukti dapat mengurangkan kemalangan di tapak bina, meningkatkan kualiti pembinaan serta produktiviti kontraktor dan projek yang disiap dapat digunakan awal oleh klien untuk tujuan mereka.**

“Memandangkan “CIDB mencadangkan pembelian komponen IBS secara terus kerana pembuatan komponen IBS merupakan kerja-kerja yang **memerlukan kepakaran tertentu** merupakan kepakaran (specialised works), **CIDB mencadangkan supaya bagi tujuan perolehan komponen IBS, ianya dilaksanakan dengan cara pembelian terus oleh Klien bagi menjimatkan kos pembinaan dan tidak melalui kontraktor utama yang dilantik bagi sesuatu projek kerajaan mahupun swasta.** Pada masa ini

hanya kerja-kerja berkaitan Mekanikal dan Elektrikal seperti pemasangan lif, dan escalator, substesen TNB serta pendawaian, dibuat secara terus dari penyedia perkhidmatan yang layak, dan bukannya melalui kontraktor,” jelasnya.

Beliau berkata, selain dipraktikkan di dalam projek-projek swasta, pembelian komponen IBS secara terus ini juga telah diamalkan oleh Housing Development Board (HDB), Singapura, bagi memastikan pembinaan rumah mampu milik adalah lebih kos efektif. Malah di dalam pelaksanaan projek MRT, pembelian “Segmented Box Girder” dilakukan secara terus dengan pengilang bagi memastikan projek tersebut lancar dan kos efektif.

Pada September 2015, **Kerajaan Malaysia melalui** jemaah menteri telah bersetuju mewajibkan penggunaan IBS bagi projek **projek** swasta yang bernilai RM50 juta dan ke atas dengan tahap minimum 50 skor IBS bagi permulaan. Kabinet juga bersetuju untuk koordinasi modular dijadikan sebagai piawaian dalam rekabentuk projek IBS, selain memperketatkan pengecualian pelaksanaan kaedah IBS dalam projek-projek kerajaan.

Penggunaan kaedah IBS di dalam pembinaan **perlu ditingkatkan oleh semua bagi mendapatkan pulangan yang bernilai untuk setiap wang yang dibelanjakan oleh kerajaan mahupun pihak swasta.** ~~wajar Di dalam bajet 2016,~~ Untuk makluman lagi, Kerajaan juga telah memperuntukkan RM500 juta untuk meningkatkan kapasiti dan kapabiliti pengeluar IBS bertaraf SME bagi meningkatkan pengeluaran komponen IBS tempatan.

Pembinaan menggunakan kaedah IBS wajar dipertingkatkan bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga asing di dalam sektor pembinaan. Penggunaan tenaga asing yang ramai akan merugikan negara dari sudut aliran keluar wang ke negara asing dan juga timbulnya masalah-masalah sosio ekonomi, meningkatkan perbelanjaan negara di dalam perkhidmatan kesihatan, apabila meningkatnya pelbagai jangkitan penyakit yang dulunya telah berjaya dimansuhkan seperti TB dan demam kepialu.

**Editted by Ir.M.Ramuseren for IBS Team.**

**Date : 26/01/2016**

---

## **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan*

*memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:*

*Noryani Ismail      [noryani@cidb.gov.my](mailto:noryani@cidb.gov.my)      03-40477027 / 019-2856867*

*Abdul Rakis Santa      [Rakis@cidb.gov.my](mailto:Rakis@cidb.gov.my)      03-40477018 / 016-3836754*